



LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN (LZKN) KENYATAAN TAWARAN TENDER 2020

Tender adalah dipelawa secara terbuka kepada pembekal-pembekal tempatan yang menjalankan perniagaan di Negeri Kedah (**keutamaan kepada Syarikat Bumiputera yang membayar zakat pendapatan/perniagaan dengan LZKN**) yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM), berkelayakan dan berpengalaman untuk menyertai tender bagi pembekalan/perkhidmatan berikut:

Maklumat Tender

NO TENDER	BUTIR-BUTIR TAWARAN	PENDAFTARAN KKM	HARGA DOKUMEN	TAKLIMAT	TARIKH DAN WAKTU TUTUP
LZKN/TD/01/2020	Membekal Dan Menghantar Bekalan Makanan Ke Pusat Agihan Makanan Bagi Semua Daerah Di Negeri Kedah Untuk Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman	Kod Bidang: 040102 - Makanan dan minuman (tin, botol dan bungkus)	RM200.00 Dokumen Meja Tender boleh dirujuk mulai 30 Januari 2020 (Khamis)	30 Januari 2020 (Khamis) 10.00 Pagi Bertempat di Bilik VIP Aras 1, Menara Zakat (diwajibkan hadir)	19 Februari 2020 (Rabu) 12.00 Tengah Hari

Tempat Jualan Dan Penghantaran Tawaran

Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman Aras 8, Menara Zakat, Jalan Telok Wan Jah, 05200 Alor Setar, Kedah Darul Aman. No Tel: 04-733 1740	Tarikh dan Masa Jualan
	Ahad hingga Rabu: 9.00 pagi - 12.30 tengahari & 2.30 petang – 4.30 petang Khamis : 9.00 pagi – 12.30 tengahari & 2.30 petang – 3.00 petang
	Tarikh Mula Dijual: 30 Januari 2020 (Khamis)

- i) Semua petender **DIWAJIBKAN HADIR** untuk sesi taklimat pada 30 Januari 2020 (Khamis) bertempat di Bilik VIP Aras 1, Menara Zakat, Lembaga Zakat Negeri Kedah pada jam 10.00 pagi.
- ii) Petender dikehendaki membawa **Kad Pengenalan, Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (KKM), Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat (SSM) dan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera ASAL** yang masih sah tempoh lakunya berserta satu salinan **FOTOSTAT** semasa hadir ke sesi taklimat. Hanya **Pemilik/Penama** sahaja dibenarkan untuk menghadiri taklimat. Wakil selain pemilik/penama di dalam sijil adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- iii) Kegagalan untuk menghadiri taklimat ini dalam masa yang telah ditetapkan akan menyebabkan petender tidak dibenarkan untuk memasuki tender ini dan sebarang rayuan berkenaan perkara ini **TIDAK AKAN DILAYAN**.
- iv) Dokumen Tender akan dijual kepada petender yang hadir ke taklimat sahaja serta mempunyai kod bidang berkaitan dan masih sah pendaftarannya.
- v) Dokumen Tender boleh dibeli dengan menggunakan **WANG TUNAI** di Kaunter Aras 8, Menara Zakat dan bayaran bagi Dokumen Tender tidak akan dikembalikan.
- vi) Kenyataan tawaran ini juga boleh dilihat di laman web rasmi Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman **<http://www.zakatkedah.com.my>**
- vii) Dokumen Tawaran Tender yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang telah dilabelkan mengikut tarikh dan tempat sebagaimana tertera di atas. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.
- viii) Syarikat yang memerlukan penjelasan lanjut mengenai Tender tersebut, hendaklah menghubungi pegawai berikut:
Jabatan Agihan (Teknikal)– 04-7331740 ext. 173 / Bahagian Perolehan– 04-7331740 ext. 265 & 019-4941740
Lembaga Zakat Negeri Kedah / Lembaga Zakat Negeri Kedah